



SIARAN MEDIA

STATUS PERMOHONAN KILANG UNTUK MENERUSKAN BEROPERASI SEWAKTU TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) (SETAKAT 27 MAC 2020, 12 TENGAH HARI)

Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) mengesahkan telah menerima sebanyak 9,290 permohonan daripada syarikat-syarikat pelbagai sektor pembuatan untuk meneruskan operasi sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sehingga jam 12 tengah hari ini, daripada jumlah tersebut, 2,732 syarikat atau 29.41 peratus telah dibenarkan untuk beroperasi, manakala 2,794 permohonan (30.08 peratus) telah ditolak. Manakala 1,885 (20.29 peratus) adalah di dalam senarai *Keep In View (KIV)* dan selebihnya (1,879, 20.22 peratus) masih di dalam proses saringan.

Selain itu, MITI ingin menjelaskan kebenaran untuk beroperasi perlu diberi kepada syarikat-syarikat tertentu bagi memastikan bekalan produk penting dan kritikal akan mencukupi untuk kegunaan orang ramai sepanjang tempoh PKP. Kebenaran yang diberikan ini juga adalah sah sehingga 14 April 2020.

Antara sektor-sektor pembuatan dan pengeluaran barang-barang keperluan umum yang dikategorikan penting dan kritikal adalah seperti berikut :

- i) Makanan dan minuman;
- ii) Produk barang rumah (termasuk *hand sanitiser*);
- iii) Peralatan perlindungan peribadi (termasuk topeng muka);
- iv) Farmaseutikal;
- v) Bahan pembungkusan dan percetakan, khususnya untuk industri pemakanan dan minuman;
- vi) Peranti perubatan, dan pembedahan; dan
- vii) Minyak dan gas.



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Bagi syarikat-syarikat yang tidak diluluskan pula, antara punca-punca permohonan-permohonan mereka ditolak adalah kerana kebanyakan syarikat tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan antaranya termasuklah syarikat yang memohon bukan di dalam sektor yang penting & kritikal; syarikat mengemukakan maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat; dan syarikat tidak mengemukakan pengurangan jumlah tenaga kerja ke tahap minima ataupun sekurang-kurangnya 50 peratus seperti yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara.

MITI ingin mengingatkan syarikat-syarikat yang telah mendapat kelulusan untuk mengikut syarat-syarat yang ditetapkan Kerajaan, antaranya memastikan hanya jumlah pekerja dan senarai pekerja yang diluluskan MITI sahaja datang bekerja; menyediakan saringan suhu badan setiap hari, menyediakan sanitasi tangan dan topeng muka untuk pekerja, memastikan premis disanitasi tiga kali sehari, mengamalkan *social distancing* dan jika ada pekerja yang dijangkiti COVID-19 majikan perlu segera memaklumkan Pejabat Kesihatan atau Hospital Kerajaan yang terdekat.

Senarai nama syarikat-syarikat yang diberi kelulusan telah pun diberikan MITI kepada pihak Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri untuk pemeriksaan dan pemantauan. Kegagalan syarikat mengikut syarat-syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan kelulusan mereka dibatalkan dan ditarik balik.

-TAMAT-

Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)

Jumaat, 27 Mac 2020

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my